

Skema Jangka



PEPERIKSAAN PERCUBAAN PT3 TAHUN 2017
TINGKATAN 3

UJIAN BERTULIS

2 jam

Arahan

1. Kertas soalan ini boleh dibuka apabila diberitahu.
2. Tulis nama dan tingkatan pada ruang yang disediakan.
3. Tulis jawapan anda pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
4. Serahkan kertas soalan ini kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kegunaan Pemeriksa		
Nama Pemeriksa:		
Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
1	8	
2	3	
3	10	
4	4	
5	10	
6	10	
7	10	
8	15	
9	30	
Jumlah	100	

NAMA:

TINGKATAN:

Bahasa Melayu 02

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan satu soalan daripada Bahagian D.

BAHAGIAN A

(25 Markah)

1 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Budaya nasional yang kerajaan laksanakan melalui sistem integrasi ialah strategi untuk memantapkan ekonomi negara.

dilaksanakan oleh kerajaan / dilaksanakan kerajaan

(ii) Pameran Udara dan Maritim (LIMA) yang diadakan di Pulau Langkawi mendapat galakan daripada berbagai-bagai pihak sama ada di dalam atau luar negara.

(iii) Pembentang kertas kerja-kertas kerja perlu mengirimkan biodata ringkas mereka melalui e-mel.

Kertas-kertas kerja

(iv) Larangan pengiklanan oleh syarikat rokok dalam kejohanan bola sepak antarabangsa telah membuka peluang kepada syarikat telekomunikasi menaja kejohanan tersebut.

(8 markah)

2 Dalam petikan di bawah, terdapat tiga kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Mulutnya yang celupar itu telah menyebabkan dia tidak disukai oleh rakan-rakannya sepepersekolahannya.

celopar

- (ii) Majlis pertabalan yang Dipertuan Agong telah dijalankan di Istana Besar Negara pada pagi tadi dengan turut dihadiri oleh tetamu kehormat dari luar-negara.

Yang di-Pertuan

- (iii) Pegawai itu sedang mengedarkan kalendar percuma kepada para pelanggan yang berurusan di bank.

Kalendar

(3 markah)

- 3 Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti. Kemudian tukar ayat bersusunan biasa di bawah kepada ayat berusunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) ^S Projek pembangunan yang terbengkalai itu ^Pakhirnya siap juga.)

PS

- (ii) ¹ Saat-saat genting dalam hidup ² diharunginya ³ dengan penuh sabar dan tawakal.)

321/312/213/231

- (iii) ^S Semua khabar angin tentang salah laku tokoh politik itu ^P benar belaka.)

PS

- (iv) ¹ Puan Maira ² merancang perbelanjaan ³ untuk mengelakkan pembaziran ketika berbelanja.)

321/312/213/231

- (v) ¹ Dia ² tetap menghantar anak-anaknya ³ ke kelas tuisyen walaupun dia berpendapatan kecil.)

321/312/213/231

(10 markah)

4. Baca petikan di bawah dengan teliti, berdasarkan maklumat yang terdapat dalam petikan tersebut, tulis dua peribahasa yang bersesuaian dengan situasi yang dinyatakan.

Sejak mencapai kemerdekaan, Malaysia telah pesat membangun. Pembangunan yang pesat ini menyebabkan banyak bangunan pencakar langit telah dibina, khususnya di bandar raya Kuala Lumpur seperti bangunan KECC dan Menara Kuala Lumpur. Kewujudan bangunan-bangunan pencakar langit ini menunjukkan bahawa Malaysia setanding dengan negara-negara maju yang lain.

- (i) seperti cerdawan tumbuh selepas hujan
- (ii) berdiri sama tinggi, duduk sama rendah

(4 markah)

BAHAGIAN B

(30 MARKAH)

5. Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sekali peristiwa Allah subhanahu wataala menunjukkan kekayaan-Nya kepada hamba-Nya, maka adalah seorang miskin laki bini berjalan mencari rezekinya berkeliling negeri Anta Beranta.

Adapun nama raja di dalam negeri itu Maharaja Indera Dewa namanya, terlalu amat besar kerajaannya baginda itu. Beberapa raja di tanah desa itu takluk kepada baginda dan menghantar upeti kepada baginda pada tiap-tiap tahun.

Maka sehari itu hatta baginda pun sedang tamai dihadap oleh segala raja-raja dan menteri hulubalang rakyat sekalian menghadap. Maka Befara Angkasa Indera Dewa pun sampailah bersama isterinya ke penghadapan baginda. Setelah dihadap orang banyak ada seorang laki bini datang endak menghadap baginda itu akan rupa kainnya carik-carik berjurai-jurai seperti ubur-uburlah rupanya. Maka segala mereka pun ramailah ia tertawa serta mengambil batu dan kayu maka dilemparnya lah Si Miskin itu. Maka kenalah tubuhnya habislah bengkak-bengkak dan berdarah-darah. Segala tubuhnya itu berlumur dengan darah. Maka orang banyak pun gemparliah.

Maka titah baginda, "Apakah yang digemparkan di luar itu?"

Maka sembah segala raja-raja, "Ya, Tuanku Syah Alam, orang melempari Si Miskin, Tuanku."

Maka titah baginda, "Suruh usir jauh-jauh."

Maka diusiri orang. Maka iapun kembali ke tepi hutan.

Hatta maka haripun malamlah. Maka baginda pun berangkatlah masuk ke dalam istana. Maka segala raja-raja pun masing-masing pulang ke rumahnya.

Dipetik daripada Bahagia Seudah Derita,
Antologi Bintang Hati, Tingkatan 3,
Dewan Bahasa dan Pustaka

i) Apakah kebesaran Maharaja Indera Dewa menurut petikan di atas?

- (3 markah)
- Kerajaan baginda amat besar
 - Beberapa orang raja di dalam negeri itu takluk kepada baginda dan menghantar upeti kepada baginda pada tiap-tiap tahun

ii) Nyatakan dua latar masyarakat yang terdapat dalam prosa tradisional di atas.

- (3 markah)
- masyarakat yang miskin
 - masyarakat raja yang berkuasa
 - masyarakat pembesar yang setia
 - masyarakat yang mengahm golongan miskin

iii) Pemerintah yang berkuasa menerima upeti daripada kuasa-kuasa kecil di bawah takluknya.

Pada pendapat anda, mengapakah masyarakat ada zaman dahulu menghantar upeti kepada pemerintah yang berkuasa.

- (4 markah)
- menjalin persahabatan / hubungan diplomatik yang erat
 - meminta perlindungan daripada kuasa besar
 - mempamerkan penghormatan kepada pemerintah yang berkuasa

6. Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Santap Istiadat

Santap beradat, santap istiadat,
Santap raja di majlis kebesaran,
Santap merai, hormat-menghormati,
Bukan santap hendakkan kenyang,
Santap santun dengan aturan.

Nasi di suap di tangan kanan,
Lauk dibijat sopan siuman,
Sampai ke mulut mamah perlahan,
Tanda tidak gelojoh makan.
Selesai santap nasi,
Diiringkan seteguk minuman,
Isyarat menghormat mulia-memuliakan,

Santap nasi suap pertama,
Berturut dengan suap kedua,
Dua suap ketiga sudah,
Keempatnya basuh tangan,
Kelima halwa juadah,
Keenam mengiring buah-buahan

Ketujuh berkumur-kumur,
Kedelapan makan sirih,
Kelat jatuh ke rengkungan,
Seri naik ke peroman.

Itulah santap beradat kebesaran
Di dalam riwayat zaman yang silam

Za'ba
Kalong Bunga Za'ba 2008
Antologi Bintang Hati
Dewan Bahasa dan Pustaka

- i) Berdasarkan seloka Santap Istiadat, nyatakan tujuan diadakan istiadat santap raja dalam majlis kebesaran. (3 markah)

- meraikan tetamu
- menghormati tetamu
- meraikan majlis kebesaran

- ii) Nyatakan dua persoalan yang terdapat dalam rangkap ketiga seloka Santap Istiadat. (3 markah)

- Kesopanan dalam majlis makan
- Kesusilaan sewaktu menikmati hidangan
- Kepentingan menjaga adab
- Kepentingan menjaga kebersihan


- iii) Semua tetamu harus menghormati adat resam dan adat istiadat di mana-mana sahaja. Pada pendapat anda, bagaimanakah cara-cara hendak menyesuaikan diri ketika berada di rumah orang. (4 markah)

- Memahami dan menghormati pantang larang adat resam di rumah orang
- Mempelajari adat dan adab sebelum mengunjungi rumah orang
- bersikap mesra dan mudah bergaul dengan ahli keluarga di rumah orang

7. Jawapan anda hendaklah berdasarkan novel yang telah anda kaji di Tingkatan 2.

Novel Jalan Ke Puncak karya Juri Durab

Berdasarkan novel di atas, huraikan satu contoh peristiwa bagi setiap nilai yang telah ditetapkan.



Kasih sayang

Peristiwa Mak Kiah menjaga anaknya, Zahar dengan penuh kasih sayang selepas kematian suaminya

Ketabahan

Peristiwa Zahar tabah apabila dipandang rendah oleh Suhaili kerana dia hanya lulusan IKM.

Nilai Keprihatinan

Peristiwa Pak Yusuf prihatin terhadap


anak saudaranya. Zuhar yang sudah
kemahiran ayah. Pak Yusuf juga
membantu Zuhar sewaktu Zuhar
ingin membuka Bengkel Meniti Impian

BAHAGIAN C

(15 markah)

8. Lihat rajah di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam rajah tersebut, tulis ulasan yang panjangnya hendaklah antara 80 hingga 100 patah perkataan.

**JUMLAH KES SALAH LAKU DISIPLIN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015
DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN SEJATI**




[15 markah]

Lined writing area with horizontal lines.

BAHAGIAN D

(30 MARKAH)

9. Pilih satu daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.



- i) Pencemaran sungai berlaku di kampung anda sejak akhir-akhir ini. Sebagai wakil penduduk, tulis sepucuk surat kepada pihak berkuasa untuk mengadu masalah tersebut di samping memberikan cadangan untuk mengatasinya.

- ii) Alam sekitar yang bersih menjadikan penduduk yang sihat dan bebas daripada penyakit. Huraikan punca-punca pencemaran alam sekitar dan kesannya kepada hidupan.

- iii) Media massa sering menyiarkan berita tentang isu pencemaran alam sekitar di negara kita. Huraikan peranan masyarakat dalam menangani isu tersebut.